

06/08/2003

Pelbagai pihak sambut baik saranan Dr M

PELBAGAI pihak menyambut baik saranan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya negara Asia Timur memberi sokongan terbuka kepada pembentukan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG).

Pada masa sama, mereka juga bersetuju dengan syor Perdana Menteri supaya Tabung Mata Wang Asia (AMF) mempunyai rangka kerja yang tidak bercirikan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

Penasihat Khas Kabinet Jepun, Hirohiko Kuroda, berkata beliau sependapat dengan Dr Mahathir mengenai EAEG bagi memastikan keberkesanan usaha mengukuhkan ekonomi serantau.

Katanya, walaupun sehingga ini kumpulan itu belum rasmi sebagai EAEG, ia berfungsi menerusi Asean+3 yang secara asasnya ialah teras kepada usaha berkenaan.

Beliau berkata, gabungkan segala kepakaran dan keupayaan menerusi Asean+3 adalah pada dasarnya EAEG kerana ia mampu mewujudkan kerjasamana ekonomi lebih kukuh.

"Permuafakatan itu dapat memantapkan kedudukan ekonomi dan kestabilan politik serantau," katanya ketika diminta mengulas saranan Dr Mahathir itu, semalam.

Sementara itu, saranan supaya Asia Timur menyatakan sokongan terbuka terhadap EAEG turut dipersetujui Pengarah Urusan Bank Pembangunan Singapura, Dr Fong Cheng Hong.

Beliau berkata, ini kerana Asia Timur mempunyai kepakaran, kedudukan kewangan yang kukuh serta cerdik pandai untuk digembleng dalam usaha membangunkan rantau ini.

Mengulas saranan Perdana Menteri, supaya AMF diperkenalkan mengikut acuannya sendiri, Dr Fong berkata, cadangan itu perlu diberi perhatian serius.

Beliau berkata, bagi melaksanakan usaha itu, semua anggota perlu sepakat memilih mekanisme wang yang sesuai bagi membolehkan pelaksanaannya diterima semua negara anggota.

Katanya, pemilihan rangka kerja yang membolehkan AMF berdiri teguh tanpa disamakan dengan IMF sangat perlu bagi menjamin prinsip kerjasama serantau yang sedia ada.

"Sudah tiba masanya Asean memilih satu tabung mata wangnya sendiri. Ia bukan untuk menggerunkan sesiapa tetapi hanya berpegang kuat kepada kerjasama negara anggota," katanya.

Ketua Ekonomi Institut Kajian Nomura, Kiyohiko Fukushima pula berkata, saranan Dr Mahathir supaya AMF mempunyai garis panduan yang lain daripada IMF harus diberi perhatian.

"Kini tiba masanya semua negara ahli duduk berbincang dengan memilih rangka kerja yang sesuai dengan fungsinya sebagai dana membantu negara yang ahli yang memerlukan.

"Kita tidak perlu mengambil contoh IMF yang pada dasarnya membantu negara bermasalah tetapi pada masa yang sama tanpa disedari cuba mengeksploitasi kelemahan mereka," katanya.

Fukushima berkata, AFM perlu jelas dalam melaksanakan fungsinya sebagai ejen membantu negara ahli dengan menyalurkan dana daripada EAEG kepada mereka yang memerlukan.